

## Mengukuhkan Kemahiran Interaksi Penulisan

**Fauziah Mohamed Ata**

fauziah\_mohamed\_ata@moe.edu.sg

**Rosalina Mohamed Taib**

rosalina\_mohamed\_taib@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Endeavour

### *Abstrak*

Pengajaran dan pembelajaran bahasa bertujuan membina murid sebagai pengguna bahasa yang cekap yang boleh berkomunikasi dengan yakin, berkesan dan bermakna dengan menggunakan bahasa yang autentik. Bagi membina kemahiran menulis murid, kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran reseptif dan produktif. Kajian ini memberi fokus kepada kemahiran interaksi penulisan. Melalui kajian ini, murid dapat memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, nota ringkas dan pesanan ringkas. Dapatkan kajian menunjukkan selepas usaha intervensi ini 82% murid dapat menulis nota ringkas dengan markah 3-4. Bagi pesanan ringkas pula 68% murid dapat mendapat markah 3-4. Secara keseluruhan, murid dapat menghayati dan memahami strategi yang diaplikasikan. Sekaligus dapat memberi kesan yang positif terhadap keyakinan murid. Mereka lebih yakin untuk menulis respons dengan lebih baik.

Kata Kunci: kemahiran reseptif, produktif, aktif, membaca, menulis



## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa bertujuan menjadikan murid sebagai pengguna bahasa yang cekap yang boleh berkomunikasi dengan yakin, berkesan dan bermakna melalui tugasan bahasa yang autentik. Bagi memastikan murid menjadi pengguna bahasa yang cekap, mereka perlu didedahkan kepada kemahiran berbahasa yang merentasi tiga kategori iaitu reseptif, produktif dan interaksi yang merangkumi enam kemahiran bahasa iaitu mendengar, membaca, bertutur, menulis, interaksi lisan dan penulisan sebagaimana yang dilakarkan dalam Model Kemahiran Teras Bahasa (MOE sukanan pelajaran 2015):

Sukanan pelajaran 2015 menjelaskan kemahiran bahasa merangkumi enam kemahiran yang terdiri daripada kemahiran reseptif, iaitu mendengar dan membaca, kemahiran produktif, iaitu membaca dan menulis dan kemahiran interaksi lisan dan penulisan. Aspek ini penting dalam membina kecekapan bahasa seseorang murid dan mencapai keberkesan dalam penggunaan bahasa.

Kemahiran reseptif melibatkan pemahaman dan pentafsiran makna dalam aktiviti atau tugas yang memerlukan murid memahami pelbagai jenis teks yang didengar atau dibaca untuk tujuan yang berbeza-beza manakala kemahiran produktif pula melibatkan penciptaan dan persembahan tugas bertutur atau penulisan. Kemahiran produktif memerlukan murid menghasilkan teks lisan dan tulisan yang pelbagai untuk tujuan yang berbeza-beza.

Kemahiran reseptif dan produktif ini diperlukan untuk berinteraksi. Kedua-dua interaksi lisan dan penulisan, melibatkan komunikasi interpersonal yang memerlukan tindak balas pengguna bahasa dalam pelbagai konteks untuk tujuan berbeza-beza.



## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini seperti yang berikut:

1. melihat keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran reseptif dan produktif dengan menggunakan strategi P 2I P; dan
2. menggabungjalinkan kemahiran membaca dengan menulis sekaligus mengaitkan proses pengajaran kemahiran membaca dengan kemahiran interaksi penulisan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perubahan pada format PSLE 2017 akan melibatkan murid Darjah 4 kohort 2015. Oleh itu, keperluan untuk mempersiapkan kohort murid darjah empat merupakan salah satu daripada keutamaan bagi menyediakan mereka dengan tuntutan perubahan kandungan pembelajaran.

Dengan adanya soalan interaksi penulisan dalam komponen kefahaman, komponen ini harus diajarkan agar murid memahami keperluan komponen ini. Pendedahan kepada kemahiran reseptif dan produktif perlu dilakukan seawal mungkin agar murid berupaya menguasai kemahiran interaksi penulisan yang memerlukan tindak balas pengguna bahasa dalam pelbagai konteks untuk memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, nota ringkas dan pesanan ringkas.

Guru perlu membina bahan interaksi penulisan dan penilaian untuk memastikan kesesuaian bahan pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab belum terdapat banyak rujukan bahan yang boleh didapati, kajian ini diusahakan agar strategi pengajaran dan bahan pembelajaran seajar dengan keperluan sukatan.

Memandangkan pengenalan ini ialah usaha yang baharu, maka kesemua proses membina bahan, strategi pengajaran dan pembelajaran serta penilaian telah didokumentasikan dan dijadikan wahana kajian.

## KAJIAN LEPAS

Berdasarkan Semakan Bahasa Ibunda 2010, terdapat saranan bagi mengubah pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda. Sekaligus, ini memerlukan pengubahan dari segi penilaian juga.

Antara saranan semakan tersebut ialah pendekatan pengajaran dan pembelajaran hendaklah memberi ‘peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa tersebut bagi tujuan yang autentik’. Laporan semakan bahasa Ibunda 2010 menegaskan semasa berkomunikasi dalam kehidupan sebenar, kedua-dua kemahiran reseptif, iaitu mendengar dan membaca dan kemahiran produktif, iaitu kemahiran bertutur dan menulis harus dihubung kait. (*MOE, Singapura 2010*). Selain itu, kebanyakan situasi kehidupan sebenar memerlukan komunikasi dua hala yang spontan. Ini termasuklah memberikan respons secara bertulis menerusi e-mel. Tugasan pembelajaran di dalam bilik darjah bagi membangunkan kemahiran interaksi ini boleh dilihat melalui Jadual berikut:

Jadual 1: Tugasan Pembelajaran bagi Membangunkan Kemahiran Interaksi

Kemahiran Reseptif	Mendengar	Membaca
	<b>Mendengar cerita:</b> Dengar penyampaian cerita tentang kejayaan ahli sukan acara balapan, Encik C. Kunalan dan fikirkan sebab-sebab beliau boleh berjaya.	<b>Membaca laporan:</b> Baca rencana akhbar mengenai budak lelaki yang berlari sewaktu hujan untuk menyaksikan penyerahan obor Sukan Olimpik Belia (YOG). Apakah yang memberikannya inspirasi untuk melakukan perkara itu?
Kemahiran Produktif	Lisan	Tulisan
	<b>Penyampaian lisan:</b> Pilih aktiviti yang anda gemar lakukan semasa waktu luang. Terangkan aktiviti ini secara ringkas dan jelaskan sebab anda menggemarinya.	<b>Menulis esei pendek:</b> Anda terlibat dalam aktiviti YOG baru-baru ini. Tulis sebuah esei pendek mengenai acara tersebut dengan ringkas dan jelaskan sebab-sebab anda gemar atau tidak gemar melakukaninya.
Kemahiran Interaksi	Perbincangan berkumpulan:	Membalas e-mel:
	Bincangkan, dalam kumpulan kecil, aktiviti sukan yang digemari dan mengapa sukan itu digemari pelajar di Singapura. Patukkah kita menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai aktiviti-aktiviti seperti itu?	Seorang kawan menulis e-mel kepada anda dan mengundang anda menyertainya dalam aktiviti YOG minggu berikutnya. Tulis e-mel balasan memberikan pandangan anda mengenai Singapura menganjurkan YOG, nyatakan kehadiran anda dan sebab-sebabnya anda boleh atau tidak boleh menyertainya.



Sepertimana yang dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda juga, format peperiksaan akan berubah dengan bertambahnya jenis item baharu contohnya, untuk menguji kemahiran interaksi. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat memberi panduan kepada guru-guru dalam memilih kaedah yang efektif bagi mempersiapkan murid untuk menghadapi peperiksaan nanti. Ini termasuklah apa yang disarankan oleh jawatankuasa semakan agar guru-guru menggunakan aktiviti dan tugas yang dirancang dengan baik bagi menyediakan pelajar dengan ilmu bahasa secara sistematis misalnya, kosa kata lisan, struktur ayat dan kemahiran bahasa yang efektif dan bermakna.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini akan menghuraikan dapatan secara kuantitatif. Pencapaian murid daripada latihan interaksi penulisan yang dihasilkan semasa praujian dan senarai semak akan diteliti dan dipantau. Murid diberikan tugasan untuk menjawab dua latihan interaksi penulisan. Satu berbentuk nota dan satu lagi pesanan ringkas. Markah penuh bagi soalan interaksi penulisan adalah 4.


### **Subjek Kajian**

Kajian yang dijalankan dalam kelas Darjah 4 terdiri daripada murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap kemahiran.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini berpusatkan kepada penilaian kendiri murid dan guru selaku pemudah cara. Instrumen kajian berupa formula dan senarai semak. Guru memaparkan carta yang berisi formula di hadapan kelas agar murid dapat menggunakan formula tersebut sebagai senarai semak dan refleksi murid dan pemerhatian guru digunakan untuk menilai hasil kerja murid. Rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Formula Kaedah P 2I P




#### Prosedur Kajian

Murid-murid Darjah 4 diberikan latihan interaksi penulisan berbentuk nota dan pesanan ringkas. Murid diperkenalkan dengan formula P 2I P yang bermaksud Pengirim + 2 Isi + Penerima. Murid menggunakan formula ini sebagai senarai semak bagi mengenal pasti struktur penulisan nota, pesanan ringkas dan bahagian isi yang dikehendaki mengikut arahan yang diberikan.

Bagi mencari dua Isi, murid-murid digalakkan menggunakan kaedah Tanya dan Respons bagi memahami dan mencungkil isi cerita daripada teks kefahaman. Murid bukan sahaja dapat menjawab soalan kefahaman objektif, malah mendapatkan dua isi bagi melengkapkan latihan interaksi penulisan. Rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Strategi Tanya dan Respons

#### Kefahaman



Sebanyak empat sesi pelajaran intervensi dijalankan. Tempoh setiap pelajaran berlangsung selama sejam. Sebelum itu, murid diberikan kertas latihan praujian interaksi penulisan yang berbentuk nota dan pesanan ringkas.

### **Pelajaran Intervensi 1**

Guru membimbing murid cara menggunakan formula P 2I P sebagai senarai semak. Formula tersebut juga dapat digunakan sebagai penilaian kendiri setelah guru memeriksa kertas latihan praujian.

### **Penilaian Intervensi 2**

Murid-murid diberikan latihan pesanan ringkas. Murid-murid mencatatkan formula P 2I P di bahagian kiri arahan interaksi penulisan. Murid-murid akan menggunakan formula itu untuk mencungkil keterangan yang diperlukan dalam arahan.

### **Penilaian Intervensi 3**

Murid akan meneruskan mencari dua isi daripada teks kefahaman dan seterusnya melengkapkan penulisan nota dan pesanan ringkas.

### **Penilaian Intervensi 4**

Murid-murid secara sedar mengenal pasti struktur dan isi yang diperlukan untuk melengkapkan penulisan nota dan pesanan ringkas dengan merujuk kembali formula P 2I P.


## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk meneliti keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran reseptif, produktif dan interaksi. Strategi melengkapkan penulisan nota dan pesanan ringkas dengan menggunakan formula P 2I P yang digunakan oleh murid untuk mengacak struktur penulisan nota dan pesanan ringkas. Selain itu, strategi ini juga membantu murid mendapatkan isi. Aspek ini penting dalam membina


kecekapan interaksi murid dan mencapai keberkesanannya dalam penggunaan formula untuk menjawab soalan interaksi penulisan.

Dapatkan kajian menunjukkan adanya peningkatan positif bagi kedua-dua jenis latihan interaksi penulisan, iaitu nota dan pesanan ringkas. Setelah melalui intervensi, jumlah murid yang peroleh markah 3-4 bagi soalan menulis nota telah meningkat 28.9%. Jumlah murid yang peroleh markah 3-4 pada soalan berbentuk pesanan ringkas pula, meningkat 36.8%. Jumlah murid yang peroleh 0-2 markah merosot. Rujuk Rajah 3 dan 4.

Rajah 3: Peratusan Markah Pra dan Pascaujian bagi Menulis Nota



Rajah 4: Peratusan Markah Pra dan Pascaujian bagi Pesanan Ringkas



## **KESIMPULAN**

Melalui penilaian yang diberikan, kita dapat melihat dan mengesan perkembangan murid secara berstruktur. Kita juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran lebih awal dari semasa ke semasa. Guru dapat memastikan dengan menggunakan formula P 2I P, murid lebih sedar akan kriteria yang diperlukan bagi melengkapkan nota dan pesanan ringkas. Kemahiran produktif memerlukan murid berkomunikasi secara lisan dan penulisan dalam pelbagai konteks untuk tujuan yang berbeza-beza. Murid akan meraih kemahiran interaksi dengan berkomunikasi melalui pertukaran bertulis dalam konteks yang berbeza untuk tujuan yang berbeza-beza.

Nota:

Guru-guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Norashikin Binte Mohd Noor
2. Nazreen Binte Mohamed Noor

## **RUJUKAN**

Ministry of education (2010). Laporan Semakan Bahasa Ibunda: Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap. Singapore.

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. (2013). Bahasa dan Jati Diri Melayu. Singapore:

Willis, J. (1996). A Framework for Task-based Learning. Longman